

28 NOV 1996

Mahathir-kad pintar

PM PEMILIK PERTAMA KAD PINTAR BAGI KEMUDAHAN INTERNET AWAM

KUALA LUMPUR, 28 Nov (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini menjadi pemilik pertama kad pintar yang dikeluarkan oleh NetCard Corporation yang menggalakkan kemudahan Internet kepada awam.

Perdana Menteri menggunakan kad pintar itu untuk memesan sejambak bunga.

Beliau menerima kad pintar itu di Stesen NetCard semasa melawat Taman Teknologi Malaysia selepas melancarkan taman itu di Bukit Jalil, dekat sini.

Stesen NetCard itu ialah terminal kemudahan Internet pertama untuk awam yang direka bentuk dengan pendekatan multi-media bagi mendapatkan maklumat, hiburan, komunikasi dan urus niaga dengan menggunakan konsep kad pintar.

Pilihan meluas barangan merangkumi cakera padat, buku, peralatan sukan air hingga aksesori pelancongan disenaraikan bagi Perdana Menteri untuk membeli belah dalam talian.

Sebagai pengguna pertama kad pintar, Dr Mahathir juga boleh menggunakan Saluran-saluran NetCard bagi mengikuti siaran muzik dan filem terbaru.

Mel elektronik atau E-mel juga boleh dihantar dan diterima daripada mana-mana tempat di dunia di Stesen NetCard.

Menurut pegawai syarikat itu, Stesen NetCard akhirnya akan mudah diperolehi di kawasan awam yang strategik seperti lapangan terbang, hotel, pusat membeli belah, rangkaian kedai makanan segera, pusat pengangkutan dan kolej. -- BERNAMA

TCL HAK NAK AKD